

PROJEK PEMBANGUNAN TANAH DAN PENEMPATAN  
SG. CHENAAM

Oleh  
MASITA BINTI REJAB

Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi Keperluan  
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Bahagian Geografi  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang, 1984.

Ditujukan khas untuk,

Ibu dan Bapa yang amat ku hormati  
dan sayangi; Abang-abang dan Kakak yang ku  
Cintai; Serta Adik-adik dan anak-anak saudara  
yang ku Kasihi.

## PRAKATA

Latihan Ilmiah ini ialah satu daripada kursus perlu yang membawa beban kerja sebanyak lapan yunit untuk Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Kursus ini mengambil tempoh masa satu semester sesi 1983/84. Akan tetapi ianya perlu dimulakan pada cuti panjang semester kedua sesi 1982/83. Tiap-tiap pelajar diperuntukkan seorang pensyarah sebagai penyelia dan penasihat sepanjang kajian dan penulisan ini.

Tujuan kursus ini di antara lain ialah untuk mendedahkan pelajar-pelajar dengan kerja-kerja luar di samping mempraktikkan amalan-amalan yang diperolehi di dalam bilik kuliah. Dengan itu juga hasil-hasil kajian boleh dijadikan bahan sumber untuk penyelidikan selanjutnya.

Segala kekurangan yang terdapat di dalam kajian ini adalah tanggungjawab pengkaji maka dengan itu sebarang teguran akan diterima dengan rela hati.

## KANDUNGAN

<u>Tajuk</u>	<u>Mukasurat</u>
Kandungan	i
Abstrak	iii
Abstract	v
Penghargaan	vii
Senarai Carta, Peta, Jadual dan Gambarfoto serta Lampiran	viii
BAB I	: <u>Pengenalan</u>
1.0	Kenyataan Permasalahan ... 1
1.1	Tinjauan Penulisan ... 11
1.2	Tujuan Kajian ... 17
1.3	Objektif Kajian ... 18
1.4	Methodologi Kajian ... 19
1.5	Hipotesis ... 22
1.6	Skop Kajian ... 22
1.7	Kawasan Kajian (latar belakang) ... 23
1.8	Penutup ... 24
BAB II	: <u>KAWASAN KAJIAN - PROJEK PEMBANGUNAN TANAH DAN PENEMPATAN SG. CHENAAM</u>
2.0	Pengenalan ... 26
2.1	Kawasan Kajian(Keseluruhan)... 30
2.2	Projek Pembangunan Sg. Chenaam ... 33
2.3	Tujuan dan Matlamat Projek ... 35
2.4	Projek-projek yang di- laksanaan/dirancangkan ... 37
2.5	Pemilihan Peserta ... 58
2.6	Perbelanjaan dan Pembiayaan Projek ... 59
2.7	Agensi-agensi Terlibat ... 61
2.8	Pengurusan Projek ... 62
2.9	Penutup ... 64

BAB III	: <u>KEDUDUKAN SOSIO-EKONOMI PESERTA</u> <u>SEBELUM MENYERTAI PROJEK</u>		
	3.0 Pengenalan	...	65
	3.1 Tempat Asal Peserta	...	67
	3.2 Umur Peserta	...	70
	3.3 Tanggungan Peserta	...	73
	3.4 Taraf Pelajaran Peserta	...	75
	3.5 Pekerjaan Peserta	...	77
	3.6 Pendapatan Peserta Sebulan	...	80
	3.7 Milikan dan Simpanan	...	82
	3.8 Rumah yang diduduki	...	86
	3.9 Kemudahan-kemudahan sosial	...	88
	3.10 Penutup	...	93
BAB IV	: <u>KEDUDUKAN SOSIO-EKONOMI PESERTA</u> <u>SELEPAS MENYERTAI PROJEK</u>		
	4.0 Pengenalan	...	94
	4.1 Tarikh Memasuki Projek	...	95
	4.2 Pekerjaan Peserta	...	95
	4.3 Pendapatan Kasar dari Ternakan Kerang	...	97
	4.4 Pendapatan Kasar Bulanan	...	99
	4.5 Perbandingan Pendapatan Sebelum dan Selepas Menyertai Projek	...	100
	4.6 Milikan dan Simpanan	...	102
	4.7 Penempatan/Rumah	...	105
	4.8 Kemudahan Sosial	...	106
	4.9 Penutup	...	108
BAB V	: <u>PENILAIAN PROJEK</u> (Kejayaan Projek, Sikap dan Masalah yang Wujud)		
	5.0 Pengemalan	...	110
	5.1 Kejayaan Projek Setakat ini...		111
	5.2 Sikap Peserta Terhadap Masa Depan Projek	...	118
	5.3 Masalah yang Wujud	...	121
	5.4 Penutup	...	125
BAB VI	: <u>RUMUSAN</u>	...	127
	BIBLIOGRAFI	...	136
	LAMPIRAN	...	138

ABSTRAK

Daripada banyak kajian yang dibuat dianggarkan bahawa 50 peratus dari rakyat negara ini adalah miskin. Dari jumlah ini termasuklah para petani dan nelayan yang tidak mempunyai sebarang hakmilik harta sendiri. Olehitu dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan terutamanya pada kalangan nelayan dan petani luarbandar, berbagai rancangan telah dilaksanakan oleh kerajaan. Antaranya termasuklah memberi bantuan peralatan dan penyediaan peluang pekerjaan baru dalam skim kemajuan tanah. Projek Pembangunan Tanah dan Penempatan Sungai Chenaam merupakan salah satu dari strategi pembangunan tanah dan yang ulung yang dilaksanakan oleh kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi di kalangan nelayan dan petani miskin luarbandar.

Kajian tentang projek pembangunan Sg. Chenaam ini bertujuan untuk meninjau bagaimanakah pengendalian projek ini dijalankan dan sejauhmanakah ianya telah berjaya dalam meningkatkan keadaan sosio-ekonomi pesertanya melalui program-program ternakan kerangnya, tanaman kelapa Mawa, lembu tenusu dan beberapa lagi program-program yang dijalankan di dalam projek tersebut. Begitu juga ingin dilihat sejauhmanakah taraf pembangunan sosial pesertanya dapat ditingkatkan dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Pada awal kajian ini membincangkan tentang Projek Pembangunan Sg. Chenaam ini dari segi tujuannya, program-program yang dijalankannya, perlaksanaan, pengurusan, pembiayaan dan cara pemilihan peserta dibuat. Selepas itu penganalisan data dibuat mengenai sosio-ekonomi peserta sebelum dan selepas menyertai